“1 Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”

J.Pend. Pk. (AM) 4598/8 Jld.10 (60)
07 Januari 2011

Semua Pengetua,
Sekolah Menengah Negeri Perak.

Semua Guru Besar,
Sekolah Rendah Negeri Perak.

Tuan,

SURAT SIARAN 1/2011 : PELAKSANAAN PROGRAM PENDIDIKAN PENCEGAHAN ROKOK, ALKOHOL, INHALAN, DADAH DAN HIV/Aids PERINGKAT SEKOLAH BAGI TAHUN 2011

Sukacita saya merujuk perkara di atas.

2. Saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak tuan yang sentiasa mengambil berat dan berusaha melaksanakan Program Pendidikan Pencegahan Dadah di peringkat sekolah. Usaha yang berterusan ini menunjukkan keprihatinan pihak tuan dalam membendung masalah penggunaan bahan terlarang dan aktiviti-aktiviti lain yang menjurus kepada pengambilan dadah inhalan dan alkohol dalam kalangan murid-murid dan seterusnya memastikan hasrat **“SEKOLAH BEBAS DADAH 2012”** menjadi kenyataan serta diyakini.

3. Berdasarkan pengesanan awal (ujian urin) dan gerak gempur sepanjang tahun 2010, seramai 5682 orang murid sekolah menengah yang berada dalam kawasan berisiko (4511 murid lelaki dan 1171 murid perempuan) telah diuji urin. Walaupun peratusan murid terlibat adalah terlalu kecil (0.00002%) berbanding dengan jumlah keseluruhan murid sekolah menengah harian di negeri Perak, namun”**usaha-usaha pendidikan pencegahan”** mesti diteruskan supaya mereka sentiasa menerima mesej tentang kemudaratan penyalahgunaan dadah, rokok, inhalan, alkohol dan bahaya HIV/Aids.

4. Masalah penggunaan bahan terlarang dalam kalangan murid merupakan perkara yang perlu diambil perhatian serius secara bersepadu oleh semua pihak. Saya menyeru agar semua pihak dapat bersama-sama berusaha merealisasikan pelan tindakan Sifar Dadah 2011 melalui strategi yang bersepadu dan menyeluruh dari aspek :

4.1. Pemantapan pengurusan dan kepimpinan.

4.2. Kesepaduan mesej bahaya dadah melalui kurikulum.

4.3. Gerak kerja menyeluruh melalui Kokurikulum.

4.4. Pemantapan program pembentukan sahsiah dan jatidiri murid.

5. Strategi yang telah disenaraikan tersebut hanya akan dapat direalisasikan dengan melaksanakan matlamat seperti berikut :

5.1. 100% sekolah menubuhkan Jawatankusa Pendidikan Pencegahan Dadah peringkat sekolah.

5.2. 100% sekolah mengadakan sambutan Hari Anti Dadah Kebangsaan peringkat sekolah

5.3. 100% sekolah mengadakan program '5 Minit Mesej Anti Dadah' semasa perhimpunan.

5.4. 6000 orang murid diuji urin sepanjang tahun 2011

5.5. Keutamaan Ujian Urin kepada murid-murid berisiko di sekolah-sekolah dalam daerah Kinta Utara, Kerian, Larut Matang Selama, Manjung dan Hilir Perak.

5.6. Murid-murid yang didapati positif dalam ujian kertas jalur akan dilibatkan dalam program intervensi murid.

5.7. Semua murid yang didapati positif dalam ujian urin kertas jalur kali pertama akan dipantau dan diberi bimbingan sehingga mereka benar-benar negatif dalam ujian urin seterusnya.

5.8. Pemantauan Pengurusan Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) di daerah dan di peringkat sekolah diadakan sepanjang tahun.

6. Oleh itu, untuk memastikan murid-murid sekolah sentiasa mendapat maklumat terkini melalui aktiviti-aktiviti terancang dan terselaras berkaitan bahaya rokok, inhalan, dadah, alkohol dan HIV/Aids (rujuk Surat Pekeliling Am Bil. 1 tahun 1985, Jabatan Perdana Menteri bertarikh 29 Januari 1985 yang diedarkan ke semua jabatan dan sekolah) maka semua sekolah diminta mengambil tindakan terhadap perkara-perkara berikut :

5.1 Melantik Seorang Guru Pendidikan Pencegahan Dadah Sekolah / Setiausaha Pendidikan Pencegahan Dadah

Mengenalpasti dan melantik seorang **Guru Pendidikan Pencegahan Dadah / Setiausaha Pendidikan Pencegahan Dadah** bagi merancang, menyelaras dan melaksanakan aktiviti-aktiviti PPDa di sekolah. Jika **Guru PPDa** dilantik dari kalangan **guru biasa**, maka beliau diminta **bekerjasama** dan **membantu kaunselor** sedia ada. Sila rujuk tugas Guru PPDa di Lampiran 1 dan seterusnya melengkapkan borang biodata Guru PPDa 2011 serta struktur organisasi Jawatankuasa Kerja PPDa 2011. **Borang-borang yang telah lengkap hendaklah dihantar ke Unit PPDa JPN dan PPD (masing-masing satu salinan) selewat-lewatnya satu minggu dari tarikh surat ini diterima.**

5.2 Melaksanakan Aktiviti-aktiviti PPDa

5.2.1 Skim Lencana Anti Dadah (SLAD)

5.2.1.1. Melantik Guru SLAD atau menggunakan khidmat Guru PPDa sebagai guru SLAD.

5.2.1.2. Memilih sekurang-kurangnya 30 orang murid Tingkatan 2 dan Tingkatan 4 yang mempunyai kriteria sebagai pemimpin dan menyertai mana-mana unit beruniform untuk diserapkan sebagai ahli SLAD.

5.2.1.3. Dalam tempoh dua tahun, ahli SLAD diminta melaksanakan aktiviti sebagaimana kurikulum yang terdapat di dalam Buku Log SLAD (Buku Log Ahli SLAD boleh diperolehi daripada Pegawai Khas Pendidikan Pencegahan Dadah Daerah atau di Unit Pendidikan Pencegahan Dadah, JPN).

5.2.2 <u>Ahli Sahabat PPDa-PETRONAS</u>

5.2.2.1. Sekolah yang mempunyai ahli Sahabat PPDa-PETRONAS yang **telah** mengikuti program Sahabat PPDa-PETRONAS pada tahun 2009 dan 2010 digalakkan supaya **aktif** membantu program-program pendidikan pencegahan di sekolah. Ahli Sahabat PPDa-PETRONAS juga diharapkan terlibat aktif dalam membangun dan menggerakkan fungsi Bilik/Sudut Sumber PPDa di sekolah masing-masing.

5.2.3 <u>Karnival Pendidikan Pencegahan Dadah</u>

5.2.3.1. Karnival ini bermatlamatkan penyebaran dan penghayatan mesej anti dadah melalui pertandingan bercorak seni. Antara pertandingan dalam karnival ialah: Pertandingan Mendeklamasikan Sajak, Pertandingan Melukis Poster Anti Dadah, Pertandingan Nasyid Kontemporari, Pertandingan e-PPDa (Persembahan melalui perisian Microsoft Powerpoint), Pertandingan Dikir Barat dan Pertandingan Boria (sekolah rendah sahaja).

5.2.3.2. Panduan untuk melaksanakan karnival ini boleh diperolehi daripada Pegawai Khas Pendidikan Pencegahan Dadah Daerah atau Unit PPDa, JPN.

5.2.4 <u>Bilik/Sudut Sumber Pendidikan Pencegahan Dadah</u>

5.2.4.1. Jika pihak sekolah mempunyai bilik atau sudut yang kosong, maka guru PPDa diminta membangunkan dan memajukan bilik / sudut tersebut sebagai Bilik Sumber PPDa.

5.2.4.2. Bilik/Sudut Sumber PPDa bersifat "**one-stop centre**" yang mengandungi maklumat-maklumat bahaya rokok, alkohol, dadah, inhalan dan HIV/Aids. Guru PPDa boleh mendapatkan bantuan ahli SLAD dan ahli Sahabat PPDa-PETRONAS untuk memajukan

Bilik/Sudut Sumber PPDa dengan meletakkan segala maklumat berkaitan dadah, rokok, inhalan, alkohol dan HIV/Aids.

5.2.4.3. Sekolah-sekolah yang boleh dilawati : SK. Tasik Dermawan,Ipoh, SK Pakatan Jaya, Ulu Kinta, SK Seri Besout, Sungkai, SK Pokok Asam, Taiping, SMK Sri Samudera, Manjung dan SMK Bukit Jana, Kamunting,Taiping.

5.2.5 <u>Ceramah-ceramah PPDa</u>

5.2.5.1. Guru PPDa boleh menganjurkan ceramah-ceramah PPDa dengan menjemput pegawai-pegawai dari PPD, JPN, Agensi Anti Dadah Kebangsaan, Jabatan Kesihatan dan mana-mana jabatan yang difikirkan relevan dan boleh menyampaikan maklumat kepada murid-murid.

5.2.5.2. Aktiviti di atas juga boleh dilaksanakan semasa **perhimpunan mingguan sekolah** dengan memberi peluang kepada ahli-ahli SLAD selama beberapa minit untuk menceritakan tentang bahan-bahan terlarang tersebut, sama ada daripada akhbar ataupun mana-mana bahan. Kajian menunjukkan bahawa maklumat dan mesej yang disampaikan melalui perhimpunan **lebih berkesan** untuk diterima oleh murid-murid.

5.2.6 <u>Sambutan Minggu Anti Dadah</u>

5.2.6.1. Minggu Anti Dadah disambut setiap tahun mulai **19 hb Februari (Peringkat Kebangsaan) 26 Jun (Peringkat Antarabangsa)**. Sehubungan dengan itu, sekolah digalakkan merancang dan menyambut Minggu Anti Dadah dengan membaca perutusan Menteri Pelajaran Malaysia dan juga melaksanakan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian seperti pidato anti dadah, perkhemahan anti dadah, Program 5 Minit Anti Dadah dan sebagainya.

5.2.7. <u>Program Sifar Dadah Sekolah Rendah (PROSIDAR)</u>

5.2.7.1. PROSIDAR merupakan satu program dibawah strategi kurikulum yang dirancang oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk menyebarkan mesej bahaya rokok, inhalan, alkohol dan dadah kepada murid-murid sekolah rendah.

5.2.7.2. Pelaksanaan **Tahap 1 waktu Pendidikan Jasmani** oleh **Guru Pendidikan Jasmani dan Kesihatan** (PJK). **Pelaksanaan Tahap 2 waktu Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan** oleh **Guru Pendidikan Sivik Dan Kewarganegaraan**

6. Semua aktiviti dan program Pendidikan Pencegahan Dadah bagi tahun 2011 hendaklah berdasarkan tema iaitu **"1MALAYSIA MEMBANTERAS DADAH".** Sebarang pertanyaan berkaitan dengan pelaksanaan program di peringkat sekolah hendaklah dirujuk kepada :

Unit Pendidikan Pencegahan Dadah,
Jabatan Pelajaran Negeri Perak,
Jalan Tun Abdul Razak,
30640 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan.
Tel : 05- 501 5136/ 5154/ 5246
No. Faks : 05-5260842

Atau mana-mana Pejabat Pelajaran Daerah (u.p Pegawai Khas Pendidikan Pencegahan Dadah)

7. Pihak JPN, PPD dan juga Jemaah Nazir Sekolah akan melaksanakan pemantauan dari semasa ke semasa untuk memastikan pihak sekolah melaksanakan aktiviti-aktiviti pendidikan pencegahan rokok, inhalan, alkohol, dadah dan HIV/Aids.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(MOHD RAUHI BIN MOHD ISA, PMP., KMN., AMP., PPT.)
Pengarah Pelajaran Negeri Perak

s.k 1. Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Harian,
Kementerian Pelajaran Malaysia

2. Timbalan Pengarah Pelajaran Perak

3. Semua Ketua Sektor,
Jabatan Pelajaran Negeri Perak

4. Semua Pegawai Pelajaran Daerah.
Pejabat Pelajaran Daerah, Negeri Perak

6. Ketua Jemaah Nazir Negeri Perak

7. YDP MPSM Negeri Perak.

8. YDP MGB Negeri Perak.

LAMPIRAN 1

TUGAS GURU PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH SEKOLAH / SETIAUSAHA PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH / SETIAUSAHA PPDa

1. PENGURUSAN :

1.1 Menubuhkan Jawatankuasa Pendidikan Pencegahan Dadah sekolah (contoh carta organisasi seperti lampiran).
1.2 Menyenaraikan peranan/tugas Jawatankuasa Pelaksana.
1.3 Merancang dan menguruskan mesyuarat pengurusan secara berkala (sebulan sekali atau yang difikirkan perlu oleh guru PPDa).
1.4 Merancang dan mempengerusikan mesyuarat bersama ahli-ahli SLAD dan ahli Sahabat PPDa
1.5 Merancang, mengawalselia dan menguruskan bilik/sudut sumber PPDa.
1.6 Merancang, melaksana, mengawalselia serta menilai program dan aktiviti Pendidikan Pencegahan Rokok, Inhalan, Alkohol, Dadah dan HIV/Aids.

2. AKTIVITI-AKTIVITI SLAD DAN SAHABAT PPDa

2.1 Merancang takwim aktiviti Pendidikan Pencegahan Rokok, Inhalan, Alkohol, Dadah dan HIV/Aids.
2.2 Menyelaraskan penyediaan laporan bergambar bagi aktiviti-aktiviti yang dijalankan.

3. KES-KES PENGGUNAAN DADAH DAN TANGKAPAN

3.1 Membantu kaunselor dan pihak sekolah bagi kes-kes positif ujian urin dan juga kes-kes tangkapan bersabit dengan dadah

STRUKTUR ORGANISASI
JAWATANKUASA KERJA PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH
SEKOLAH TAHUN 2011

NAMA DAN ALAMAT SEKOLAH				
KOD SEKOLAH				
NO. TELEFON SEKOLAH			NO.FAKS :	
BIL	JAWATAN	NAMA	JAWATAN	NO. TELEFON
1.	PENGERUSI		PENGETUA/GURU BESAR	
2.	NAIB PENGERUSI I		PK/GK PENTADBIRAN	
3	NAIB PENGERUSI II		PK/ GK HEM	
4.	NAIB PENGERUSI III		PK/GK KOKU/PK PTNG	
5.	SETIAUSAHA		GURU PPDa/GURU B&K	
6.	PEN.SETIAUSAHA 1		GURU PPDa/GURU B&K	
7.	PEN.SETIAUSAHA II		GURU SLAD	
8.	AHLI JAWATANKUASA		GURU DISIPLIN	
9.	AHLI JAWATANKUASA		GURU AGAMA/MORAL	
10.	AHLI JAWATANKUASA		GURU SUKAN	
11.	AHLI JAWATANKUASA		KET.BIDANG/KET.PANITIA	
12.	AHLI JAWATANKUASA		PENYELARAS TAHUN/TING	
13.	AHLI JAWATANKUASA			
14.	AHLI JAWATANKUASA			
15.	AHLI JAWATANKUASA			
16.	AHLI JAWATANKUASA		PENGHULU/ KET.KAMPUNG	
17.	AHLI JAWATANKUASA		WAKIL PDRM	
18.	AHLI JAWATANKUASA		WAKIL KESIHATAN	
19.	AHLI JAWATANKUASA		SETIAUSAHA PIBG	
20.	AHLI JAWATANKUASA		KETUA BIRO PPDa PIBG	
21.	AHLI JAWATANKUASA		WAKIL STAF SEKOLAH	

Tandatangan dan Cop Pengetua / Guru Besar Tarikh :

Nota
1. Satu salinan ke Unit PPDa JPN Perak
2. Satu salinan ke PPD

Sila kembalikan **seminggu** selepas tarikh penerimaan surat ini

BBG 001/11

UNIT PENDIDIKAN PENCEGAHAN DADAH(PPDa), JABATAN PELAJARAN PERAK

BORANG BIODATA GURU PPDa 2011

NAMA DAN ALAMAT SEKOLAH		
KOD SEKOLAH		
NO. TELEFON SEKOLAH		NO.FAKS :

1.	NAMA:					
2.	NO. KAD PENGENALAN	LAMA		BARU		
3.	TARIKH LAHIR					
4.	TEMPAT LAHIR					
5.	TEMPOH PERKHIDMATAN (JAN 2011)		TAHUN			BULAN
6.	GRED JAWATAN (JANUARI 2011)					
8	JAWATAN SEKARANG (TUGAS LAIN)					
9.	ALAMAT RUMAH					
10.	NO TELEFON		RUMAH			BIMBIT
11.	KELULUSAN AKADEMIK/IKTISAS/ BIDANG PENGKHUSUSAN					
12.	KURSUS PPDa YANG PERNAH DIHADIRI	TAHUN		TAHUN		
13.	PENGALAMAN BERKAITAN PPDa :		TAHUN			TAHUN
	PERINGKAT SEKOLAH:					
	PERINGKAT DAERAH:					
	PERINGKAT NEGERI:					
14.	PENCAPAIAN DAN PENGHARGAAN DALAM PPDa		TAHUN			TAHUN

Pengesahan Pengetua / Guru Besar dan Cop

( )

Tarikh :

Tarikh :